



10 Januari 2013
10 January 2013
P.U. (B) 7

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH
BAGI MAKSUD AWAM

*NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF
LAND FOR PUBLIC PURPOSE*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui *Pemberitahuan No. 2311/1923* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 20 April 1923, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Residen Selangor dengan perkenan Raja dalam Mesyuarat oleh seksyen 8(i) Enakmen Perlindungan Binatang dan Burung Liar 1921 [*No. 18/1921*] telah mengisytiharkan bahawa petak tanah dianggarkan seluas 996 ekar dan ditandakan di atas pelan No. Sheet A dan C 86 menjadi suatu rizab bagi maksud pemeliharaan haiwan dan burung yang hendaklah disenggarakan oleh Residen Selangor:

DAN BAHAWASANYA, melalui *P.U. (B) 108/2003* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan diwakilkan kepadanya, memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu akan didengar oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tingkat 2, 3 dan 4, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur pada pukul 10.00 pagi pada 11 Februari 2013.

JADUAL

Daerah – Kuala Lumpur *Mukim* – Ampang dan Kuala Lumpur *No. Pelan* – Sheet A dan C 86 *Sempadan* – Utara, bahagian No. 1,140, 1,141, 806, 900, 901, 903, 904, 632 hingga 638, 648 dan 649 mukim Ampang, laluan simpanan jalan di timur bahagian itu No. 640, bahagian No. 845 dan 544 mukim Ampang; Timur, bahagian No. 473, 1,101 hingga 1,114, 918 dan 919 mukim Ampang, simpanan jalan di timur bahagian tersebut No. 919, bahagian No. 1,125, 166, 285, 411, 412, 366, 885, 221, 223, 926 dan 1,179 mukim Ampang; Selatan, bahagian No. 2,414 dan 2,235 mukim Kuala Lumpur, Simpanan Stesen Keretapi Pudu Ulu, dan Simpanan Jalan Cheras-Kuala Lumpur; Barat, Simpanan Jalan Pekeliling *Luas* – Dianggarkan 996 ekar.

Bertarikh 20 Disember 2012

[PTG/WP: 2/42671/09; KWP(S): 24/PUU/698/1/4/3; PN(PU2)213/LIX]

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN
Pengerusi
Jawatankuasa Kerja Tanah
Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur

NATIONAL LAND CODE

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC
PURPOSE

WHEREAS, by *Notification No. 2311/1923* published in the *Selangor Government Gazette* on 20 April 1923, in exercise of the powers conferred upon the Resident of Selangor with the consent of the Ruler in Council by section 8(i) of the Wild Animals and Birds Protection Enactment 1921 [*No. 18/1921*] had proclaimed that the parcel of land having an area of 996 acres approximately delineated upon plan No. Sheet A and C 86 to be a reserve for the purpose of a preservation of animals and birds to be maintained by the Resident of Selangor:

AND WHEREAS, by *P.U. (B) 108/2003* published in the *Gazette* of the Government of the Federation on 3 March 2003, the Government of the Federation has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code [*Act 56/1965*] to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur:

AND WHEREAS, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur that the whole of the aforesaid reservation be revoked:

NOW THEREFORE, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur, in exercise of the powers under subsection 64(1) of the National Land Code conferred upon the Government of the Federation and delegated to it, gives notice under subsection 64(2) of the National Land Code of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule and that any person who desires to object against such revocation will be heard by the Land Administrator of the Federal Territory of Kuala Lumpur at an enquiry to be held at the Office of Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur, 2nd, 3rd and 4th Floor, Federal House, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur at 10.00 a.m. on 11 February 2013.

SCHEDULE

District – Kuala Lumpur *Mukims* – Ampang and Kuala Lumpur *Plan No.* – Sheet A and C 86 *Boundaries* – North, portions No. 1,140, 1,141, 806, 900, 901, 903, 904, 632 to 638, 648 and 649 mukim of Ampang, access reserve east of said portion No. 640, portions No. 845 and 544 mukim of Ampang; East, portions No. 473, 1,101 to 1,114, 918 and 919 mukim of Ampang, access reserve east of said portion No. 919, portions No. 1,125, 166, 285, 411, 412, 366, 885, 221, 223, 926 and 1,179 mukim of Ampang; South, portions No. 2,414 and 2,235 mukim of Kuala Lumpur, Pudu Ulu Railway Station reserve, and Cheras-Kuala Lumpur road reserve; West, Circular Road reserve
Area – 996 acres approximately.

Dated 20 December 2012

[PTG/WP: 2/42671/09; KWP(S): 24/PUU/698/1/4/3; PN(PU2)213/LIX]

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN
Chairman
Land Executive Committee
Federal Territory of
Kuala Lumpur